

Tidak jelaskan dasarnya
mengenai negara Islam

PM pertikai keikhlasan Pas

BH 1 AUG 1986

Pas

Oleh A.R. KAMALUDIN

BACHOK, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Pas tidak boleh membohongi umat Islam di negara ini mengenai perjuangannya ke arah pembentukan sebuah negara Islam kerana manifesto pilihanraya parti itu sedikit pun tidak menyebutkan perkara itu.

Katanya, Pas tidak berani menyebut perkara itu kerana 'mereka tahu semua itu hanyalah helah politik yang bertujuan memancing undi dalam pilihanraya semata-mata'.

Perdana Menteri berkata, apa yang disebut oleh Pas dalam manifesto itu hanyalah untuk menegakkan Islam. "Tetapi ini tidak ada bezanya dengan apa yang sudah, sedang dan akan dilakukan oleh Umno dan Barisan Nasional selama ini," tegasnya.

Berucap di hadapan lebih 3,000 orang sewaktu merasmikan bangunan Umno bahagian Bachok di Jelawat di sini petang ini, Perdana Menteri menyifatkan matlamat 'ke arah keamanan, keadilan dan kesejahteraan' yang disebut dalam manifesto itu bertentangan dengan apa yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Pas selama ini.

Kenang kembali

"Bagaimanakah mereka hendak mengajak orang lain hidup aman damai sedangkan merekalah yang menjadi punca kepada perpecahan di kalangan masyarakat terutama di kampung-kampung?" Tanyanya.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata ajaran Pas yang mengkafirkan orang Islam lain semata-mata kerana tidak bersama mereka dalam parti itu, menyebabkan masyarakat Islam di kampung-kampung berasa hidup tidak sejahtera.

Ini kerana ada antara mereka yang terpedaya dengan dakyah-dakyah Pas yang memperalatkan ayat-ayat suci al-Quran dan Hadis.

Katanya, keadilan yang mahu ditunjukkan oleh Pas itu hanya 'temberang' sahaja dan beliau menyebut peristiwa berdarah di Memali, Kedah, tahun lalu sebagai contoh.

Perdana Menteri berkata, penduduk Kampung Memali yang sebelum itu hidup aman damai tiba-tiba diajar dengan 'perkara yang bukan-bukan', dihasut supaya bangun menentang kerajaan dan sanggup membunuh polis untuk kepentingan politik Pas.

"Apakah jenis keadilan yang ditunjukkan oleh Pas daripada peristiwa yang mereka ajak rakyat kenang kembali dalam kempen mereka sekarang?" Tanya beliau.

Sebelum itu, beliau meminta rakyat terutama orang Islam supaya tidak mudah terpedaya dengan semua janji Pas, kerana parti itu tidak boleh menunaikannya.

Perdana Menteri juga menyelar manifesto Pas itu yang tidak menyebut dengan jelas bahawa ia mahu menghapuskan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di samping keistimewaan lain mereka yang dijamin oleh perlembagaan sekarang.

"Mereka tidak berani sebut semua ini dalam manifesto itu, sebab takut kehilangan undi orang Melayu, tetapi kepada orang bukan Melayu dan bukan Islam mereka sanggup menyatakannya," katanya.

Beliau berkata, Umno dan BN sudah menunjukkan kemampuannya mentadbir negara,